

FOR IMMEDIATE RELEASE

12 October 2006

**MEDIA RELEASE****PHARMANIAGA BAKTI KEPADA BAKAT**

Kuala Lumpur - Pharmaniaga hari ini menyampaikan 5,000 botol makanan kesihatan tambahan berupa vitamin C dan E kepada Badan Kebajikan Angkatan Tentera (BAKAT) sebagai sebahagian daripada bungkusan Hari Raya yang disediakan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk anggota-anggotanya yang bertugas di perbatasan menjelang Aidil Fitri tahun ini.

Sumbangan Pharmaniaga yang bernilai lebih RM100 ribu tersebut telah disampaikan secara rasmi kepada Timbalan Perdana Menteri, YB Dato' Mohammad Najib bin Tun Abdul Razak merangkap Menteri Pertahanan oleh Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Pharmaniaga, Roshidah Abdullah. Majlis penyampaian tersebut diadakan di Padang Tembak, Kuala Lumpur dan turut disaksikan oleh tetamu kehormat, isteri Timbalan Perdana Menteri selaku Pemangku Yang DiPertua BAKTI (Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri), iaitu suatu badan kebajikan yang dianggotai oleh isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri.

"Sebagai sebuah syarikat penjagaan kesihatan tempatan, kami begitu menekankan kehidupan yang sempurna bagi rakyat Malaysia secara amnya. Sumbangan kami ini diharap dapat meyumbang ke arah kehidupan yang lebih sihat bagi anggota-anggota tentera", menurut Roshidah. Inisiatif ini selari dengan cogankata korporat Pharmaniaga iaitu Bersama Menyempurnakan Kehidupan. "Menjalani kehidupan yang sempurna bukan bermaksud kaya dari segi harta, malah merangkumi aspek-aspek kesihatan yang memungkinkan kehidupan berkualiti bersama keluarga tersayang.", sambungnya lagi.

Terdapat dua jenis Vitamin yang dibungkuskan untuk anggota-anggota tentera iaitu Vitamin C dan E. Vitamin C membantu menguatkan system imunisasi, mencegah demam selsema dan penyakit kronik, mengurangkan kolesterol dan menurunkan tekanan darah tinggi. Manakala Vitamin E pula mempunyai faedah menghindari keletihan yang kronik dan memperbaiki keadaan kulit dan rambut.

Pharmaniaga Berhad adalah sebuah syarikat penjagaan kesihatan berintegrasi yang terbesar di Malaysia. Pharmaniaga tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia, dan aktiviti utamanya merangkumi pengilangan, penyelidikan & pembangunan farmaseutikal generik, logistic, pengedaran, jualan & pemasaran dan juga pembekalan produk & perkhidmatan medical dan kelengkapan hospital. Pharmaniaga juga telah menghasilkan pengisian IT terkini yang merupakan tunjak operasinya.

- end -

## **ABOUT PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad, a member of the UEM Group, is an investment holding company listed in the Main Board of Bursa Malaysia. The Pharmaniaga Group's core businesses are generic pharmaceuticals manufacturing, research and development, marketing and sales, warehousing and distribution of pharmaceutical and medical products as well as supply, trading and installation of medical and hospital equipment.

With a vision to be the premier Malaysian pharmaceuticals company, Pharmaniaga is guided by its philosophy of 'doing business with a conscience' and empowered by its mission of **enriching life together**.

Already operating in 38 sites across 3 countries (Malaysia, Indonesia & Vietnam) the Pharmaniaga Group is poised to be a regional player in the international pharmaceuticals arena.